

MEDIA STATEMENT

IDEAS Report Provides Realistic Outcome of Malaysia's Public Procurement Policies Towards Bumiputera Contractor Development

Kuala Lumpur, 29 September 2021 - A new report by the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) entitled 'Public Procurement and Bumiputera Company Development in the Construction Industry: Reviewing Policies, Exploring Possibilities', traced the public procurement policy and preferential terms towards Bumiputera contractors that have been embedded since the 1970s as well as the efforts to promote equality and competitiveness in the construction industry that have emerged from time to time.

IDEAS noted that Malaysia, like many countries around the world, utilises public procurement for developmental goals by conferring preference to a designated group in the award of contracts.

However, unlike most countries in which its system would benefit disadvantaged minority groups, Malaysia's policies concentrated most attention on small-scale operations that are more accessible for start-ups but favours a majority group, the Bumiputera community.

IDEAS CEO Tricia Yeoh commented, "Findings from this report indicate that existing pro-Bumiputera policies within public procurement have not necessarily ensured that there is equitable opportunity for all Bumiputera contractors, where for example fraudulent practices of beneficial ownership or political influence in the award of contracts have prevented competitive contractors from winning bids fairly. In order to truly elevate and enhance Bumiputera contractors, the research confirms that structural changes such as transparency are needed, as well as an emphasis on professionalisation and upskilling. We hope these findings will assist the government as it considers how to improve Bumiputera economic conditions more effectively, as outlined in the recently launched 12th Malaysia Plan."

As observed by the author of the report, Dr. Lee Hwok Aun, "Malaysia's efforts to develop Bumiputera companies through public procurement policy hold out potentialities and pitfalls. The approach, with reservation of all small-scale contracts as well as quotas and price preferences for medium to large contracts exclusively for Bumiputera contractors, stands out globally for its form and magnitude."

This report presents an overview and update of pro-Bumiputera policies within public procurement, and the findings and implications of an original research project undertaken in April-August 2021. The research set out to survey and assess the distribution and characteristics of Bumiputera contractors, to investigate the effects of public procurement on Bumiputera company development.

Based on a review of a broad range of data and interviews, the report finds a consistent concentration of Bumiputera contractors at the smallest out of seven grades, G1, with over-representation in lower-income states, and in rural or mixed rural/urban districts. G1 Bumiputera contractors proliferated when registration reopened in 2019 after a 14-year freeze. As of the end of August 2021, there are 66,906 Bumiputera contractors registered with Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) and G1 accounts for 63.3% of all Bumiputera contractors.

Interviews with contractors and stakeholders add further insight of the different pathways of company progress. Graduating from G1 is not the only pathway for companies to progress. Research found that within G1, companies with a wider set of competencies tend to win tendered contracts more regularly. Some companies appear to adopt a higher-skilled and focused specialization mode of participation in procurement, which presents scarcer opportunity but potentially better financial reward per contract.

The report highlights some of the shortcomings in terms of implementation in existing public procurement policies. The report pointed to the prevalence of fraudulent practices especially the registration of proxy companies under one beneficial owner as fronts in balloting or contract bidding exercises as well as the challenge of detecting and prosecuting the aforementioned fraudulent practices by under-resourced authorities.

Dr. Lee Hwok Aun further added “Our probe into contractors’ outlook in public procurement is valuable for policymakers moving forward. Drawing from the interviews with a few participants in the MRT Young Entrepreneur Programme (MYEP), training and mentorship, exposure to rigorous professional standards, access to finance, and linkage with networks and established trust between main contractors and subcontractors, contribute substantially to company growth. Meanwhile, political influence in the award of contracts can reduce morale among the excluded, or in some cases, spur a movement into GLC or private sector procurement.”

The research has led IDEAS to make the following policy recommendations:

- On reservation and quota policy, consider locality – defined even more specifically than district, as an additional layer for granting preference in award of contract.
- Margin of pricing reference, or a points system, diminishes in the degree of preference over time, or with each successive contract as a general rule for facilitating graduation.
- On ownership regulations and the contract award system, introduce beneficial ownership declarations with clear liability for infringements falling on the beneficial owner.
- Increase resources of relevant enforcement agencies and set up whistleblower channels.

- Implementation of a points system reinforced by growth pathways. This scheme, by awarding the highest points to new entrants followed by a sliding scale based on time or number of contracts, can incentivize graduation. Points can also be awarded for entry into specific grades or specializations, or adoption of technology, and based on group disadvantage beyond Bumiputera status.

The report was launched at a webinar on 29th September 2021. You can find the report [here](#).

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Laporan IDEAS Mencerminkan Kesan Pelaksanaan Dasar Perolehan Awam Malaysia Terhadap Pembangunan Kontraktor Bumiputera

Kuala Lumpur, 29 September 2021 - Laporan baharu yang dihasilkan oleh Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) berkenaan perolehan awam dan pembangunan syarikat Bumiputera dalam industri pembinaan, meneliti dasar-dasar perolehan awam dan keutamaan syarikat Bumiputera yang telah diwujudkan sejak tahun 1970-an serta usaha-usaha dengan tujuan menggalakkan kesaksamaan dan meningkatkan daya saing dalam industri pembinaan yang telah dilaksanakan dari masa ke masa.

IDEAS mendapati bahawa Malaysia, seperti negara-negara lain di seluruh dunia, menggunakan perolehan awam bagi tujuan pembangunan dengan memberikan keutamaan kepada golongan-golongan tertentu dalam pemberian kontrak.

Namun, dasar Malaysia memberi tumpuan yang lebih banyak kepada operasi berskala kecil yang membenarkan akses mudah kepada syarikat-syarikat awalan (start-up) dalam kalangan golongan Bumiputera, tidak seperti kebanyakan negara lain yang memberikan keutamaan kepada golongan minoriti di negara masing-masing.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, "Hasil kajian laporan ini menunjukkan bahawa dasar-dasar pro-Bumiputera yang sedia ada dalam perolehan awam tidak semestinya memastikan kontraktor Bumiputera diberi peluang sama rata. Sebagai contoh, amalan penipuan dalam bentuk pemilikan bermanfaat atau pengaruh politik dalam pemberian kontrak telah menghalang persaingan antara para kontraktor untuk memenangi tender secara adil. Kajian ini telah mengesahkan keperluan perubahan struktur dari segi ketelusan serta penekanan terhadap peningkatan kemahiran dan profesionalisasi untuk mengangkat dan meningkatkan prestasi kontraktor-kontraktor Bumiputera. Kami berharap bahawa hasil kajian ini dapat membantu kerajaan kerana kajian ini mempertimbangkan cara-cara untuk meningkatkan prestasi ekonomi Bumiputera dengan lebih efektif, sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-12 yang diumumkan baru-baru ini.

Seperti yang diperhatikan oleh penulis laporan, Dr. Lee Hwok Aun, "Usaha Malaysia dalam membangunkan syarikat-syarikat Bumiputera melalui dasar perolehan awam mengemukakan potensi serta kelompangan. Pendekatan tersebut, dengan pengkhususan khas kesemua kontrak skala kecil serta kuota dan keutamaan semasa membuat tawaran harga bagi kontrak sederhana dan kontrak besar khas kepada kontraktor Bumiputera amat unik.

Laporan ini menyediakan gambaran umum dan perkembangan dasar-dasar pro-Bumiputera dalam perolehan awam melalui pembentangan hasil kajian dan implikasi projek penyelidikan yang telah dilakukan dari bulan April hingga Ogos 2021. Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan menilai pengagihan serta ciri-ciri kontraktor Bumiputera bagi mengkaji kesan perolehan awam terhadap pembangunan syarikat Bumiputera.

Berdasarkan tinjauan data dan temu bual yang luas, laporan ini mendapati kepadatan kontraktor Bumiputera yang konsisten pada gred G1, yang merupakan gred terendah daripada tujuh gred yang lain serta kadar pendaftaran kontraktor G1 yang lebih tinggi di negeri-negeri berpendapatan rendah dan di kawasan luar bandar. Bilangan kontraktor Bumiputera G1 bertambah banyak apabila pendaftaran dibuka semula setelah dibekukan selama 14 tahun. Sehingga akhir bulan Ogos 2021, terdapat 66,906 kontraktor Bumiputera yang berdaftar bersama Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan G1 menyumbang 63.3% daripada jumlah keseluruhan kontraktor Bumiputera.

Sesi temubual bersama para kontraktor dan sesi perjumpaan bersama pihak-pihak berkepentingan menambah lagi pengetahuan mengenai halatuju berbeza yang menggalakkan pembangunan kontraktor. Peningkatan gred daripada G1 bukan satu-satunya halatuju bagi pertumbuhan syarikat. Kajian menunjukkan bahawa dalam kalangan G1, syarikat yang mempunyai bidang pengkhususan yang lebih luas mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk memenangi kontrak dengan lebih kerap. Sesetengah syarikat didapati menggunakan kaedah penyertaan perolehan dimana mereka mendaftar bidang pengkhususan yang terperinci, namun kaedah ini mendatangkan peluang yang lebih tipis dengan ganjaran kewangan yang lebih memuaskan bagi setiap kontrak.

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa kekurangan dari segi pelaksanaan dasar-dasar perolehan awam yang sedia ada. Antaranya adalah amalan penipuan terutamanya pendaftaran syarikat proksi di bawah satu pemilik bermanfaat dalam aktiviti cabut undi atau sebut harga kontrak serta cabaran dalam mengesan dan mendakwa amalan penipuan akibat pihak berkuasa yang tidak diberi sumber yang mencukupi.

Dr. Lee Hwok Aun turut menambah bahawa "Kajian kami terhadap pandangan kontraktor terhadap perolehan awam amat berguna bagi para pembuat dasar untuk perkembangan lanjut. Hasil daripada sesi temubual bersama beberapa peserta MRT Young Entrepreneur Programme (MYEP) telah menunjukkan bahawa program latihan dan aprentis, pendedahan kepada standard profesional yang tinggi, akses kepada pembiayaan kewangan dan menjalin hubungan dan kepercayaan antara kontraktor utama dan subkontraktor menyumbang besar kepada pertumbuhan syarikat. Di samping itu, pengaruh politik dalam pemberian kontrak boleh mengurangkan motivasi di kalangan syarikat yang dikecualikan, atau dalam sesetengah kes, mendorong kontraktor untuk beralih ke GLC atau sektor swasta.

Antara saranan dasar yang dikemukakan oleh IDEAS berdasarkan kajian ini termasuk:

- Berkenaan dasar pengkhususan dan kuota, lokaliti boleh dipertimbangkan atau ditentukan secara lebih spesifik daripada daerah, sebagai lapisan tambahan semasa memberi keutamaan dalam pemberian kontrak.
- Kewujudan margin keutamaan harga atau sistem skor dengan tahap keutamaan yang berkurang mengikut tempoh atau kontrak seterusnya untuk menggalakkan peningkatan gred.
- Berkenaan peraturan pemilikan dan sistem pemberian kontrak, pengisytiharaan pemilikan bermanfaat boleh diperkenalkan dimana pemilik harus bertanggungjawab jika melanggar peraturan.
- Menambah sumber serta peruntukkan untuk agensi penguatkuasaan yang berkaitan dan menyediakan saluran pemberi maklumat.
- Pelaksanaan sistem skor yang diperkuatkan oleh halatuju pertumbuhan. Dengan memberi skor tertinggi kepada kontraktor baharu diikuti skor yang semakin berkurang berdasarkan tempoh atau jumlah kontrak, peningkatan gred dapat digalakkan. Skor juga boleh diberikan bagi pendaftaran gred atau bidang pengkhususan tertentu, atau penggunaan teknologi serta berdasarkan golongan minoriti selain golongan Bumiputera.

Laporan tersebut telah dilancarkan dalam sebuah webinar pada 29hb September 2021. Anda boleh mendapatkan laporan tersebut di [sini](#).

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my